

# EKSPRESI DOSA-DOSA BESAR DALAM AL-QURAN DAN HADITH: SATU PENELITIAN TERHADAP ISU-ISU DI ERA DIGITALISASI

## THE EXPRESSION OF MAJOR SINS IN THE QURAN AND HADITH: AN EXAMINATION OF ISSUES IN THE DIGITAL ERA

Hasbullah Mohamad<sup>1\*</sup>  
Mohd Nasir Ayub<sup>2</sup>,  
Surita Hartini Mat Hassan<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Abdulhamid Abusulayman Kuliyah Ilmu-Ilmu Islam Dan Ilmu Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 25200 Kuantan, Pahang, Malaysia (Email: [asbul74@iiu.edu.my](mailto:asbul74@iiu.edu.my))

<sup>2</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Pahang Kampus Raub, 27600 Raub, Pahang, Malaysia (E-mail: [mnasir251@uitm.edu.my](mailto:mnasir251@uitm.edu.my))

<sup>3</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Pahang Kampus Raub, 27600 Raub, Pahang, Malaysia (E-mail: [suritahartini@uitm.edu.my](mailto:suritahartini@uitm.edu.my))

\*Corresponding author: Author A email address

### Article history

Received date : 25-8-2025

Revised date : 26-8-2025

Accepted date : 27-9-2025

Published date : 16-10-2025

### To cite this document:

Mohamad, H., Ayub, M.N., & Hassan, S.H.M. (2025). Ekspresi dosa-dosa besar dalam Al-Quran dan Hadith: Satu penelitian terhadap isu-isu di era digitalisasi. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (77), 111 – 128.

**Abstrak:** Era digitalisasi telah membawa perubahan besar dalam landskap sosial, budaya dan komunikasi masyarakat. Kajian ini menumpukan kepada analisis terhadap konsep dosa-dosa besar (*al-kabā'ir*) seperti yang dinyatakan dalam al-Quran dan hadith serta bagaimana ekspresi terhadap dosa-dosa ini memberi pengajaran yang jelas untuk diberi perhatian dan tindakan yang sewajarnya. Objektif utama kajian ini ialah untuk memahami bagaimana pendekatan wahyu melalui ekspresinya terhadap dosa besar sangat memberi impak yang signifikan terhadap realiti kerosakan nilai-nilai kemanusiaan khususnya di era digital hari ini. Pendekatan kualitatif berbentuk analisis teks digunakan untuk meneliti ayat-ayat al-Quran dan hadith berkaitan dosa-dosa besar, diikuti dengan pendekatan kajian kes terhadap fenomena sosial digital syirik dan khurafat, fitnah, penipuan “scammers” dan lain-lain. Dapatan menunjukkan bahawa meskipun bentuk lahiriah perbuatan dosa mengalami transformasi melalui medium digital, prinsip dan nilai yang dilanggar tetap berakar dalam kerangka dosa-dosa besar yang telah dihuraikan oleh syarak. Kajian ini turut menekankan peranan penting ulama, pendidik Islam, dan institusi keagamaan dalam mendepani cabaran baru ini dengan pendekatan yang responsif terhadap teknologi. Penelitian ini juga merumuskan strategi menangani dosa moden, agar penyampaian mesej agama tetap berakar pada wahyu yang relevan dengan cabaran kontemporari. Kesimpulannya, al-Quran dan hadith bukan sahaja kekal relevan sebagai sumber etika dan panduan hidup, bahkan memiliki kapasiti adaptif untuk menanggapi pelbagai bentuk pelanggaran moral yang muncul akibat perkembangan digital. Kajian ini membuka ruang untuk dialog lanjut mengenai penaakulan semula impak dosa dalam kerangka digital serta keperluan pembangunan fiqh digital yang mantap dan progresif.

**Kata kunci:** *al-Quran, hadith, dosa besar, era digital, isu sosial, etika Islam.*

**Abstract:** *The era of digitalization has profoundly transformed the social, cultural, and communicative landscapes of contemporary societies. This study examines the concept of major sins (al-kabā'ir) as articulated in the Quran and hadith, and explores how their manifestations provide clear moral lessons that demand serious attention and appropriate responses. The main objective of this study is to understand how the revelatory approach, through its expressions concerning major sins, has a profound impact on the reality of moral and human value degradation, particularly in today's digital era. Methodologically, the study employs a qualitative textual analysis of Quranic verses and Prophetic traditions related to major sins, complemented by case studies of digital social phenomena such as shirk and superstitions, slander, online fraud, and related issues. The findings indicate that although the outward forms of sinful acts have undergone transformation through digital platforms, the underlying principles and values being transgressed remain firmly embedded within the framework of major sins delineated by Islamic law. The research underscores the pivotal role of religious scholars, Islamic educators, and faith-based institutions in addressing these new challenges through approaches that are both technologically responsive and theologically grounded. It also proposes strategies for addressing modern manifestations of sin, ensuring that the transmission of religious teachings remains rooted in divine revelation while remaining relevant to contemporary challenges. In conclusion, the Quran and hadith not only retain their enduring relevance as sources of ethics and guidance, but also demonstrate adaptive capacity in confronting the diverse forms of moral transgressions arising from digital developments. This study further opens avenues for critical dialogue on reconceptualizing the impact of sin within the digital framework and the urgent need for the development of a robust and progressive digital fiqh.*

**Keywords:** *Quran, hadith, major sins, digital era, social issues, Islamic ethics.*

## Pengenalan

Al-Quran dan hadith memberi amaran keras terhadap dosa besar kerana ia membawa kemurkaan Allah dan kesan yang sangat buruk dalam kehidupan individu, keluarga, masyarakat dan negara. Perlakuan dosa besar memberi gambaran kepada kedudukan iman seorang Muslim. Apabila seseorang melakukan dosa, maka ia menggambarkan imannya menurun melainkan apabila ia bertaubat dan kembali kepada ketaatan. Firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ إِذَا فَعَلُوا فَاحِشَةً أَوْ ظَلَمُوا أَنْفُسَهُمْ ذَكَرُوا اللَّهَ فَاسْتَغْفَرُوا لِذُنُوبِهِمْ  
وَمَنْ يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا اللَّهُ وَلَمْ يُصِرُّوا عَلَىٰ مَا فَعَلُوا وَهُمْ يَعْلَمُونَ (١٣٥)

Maksudnya: “Dan orang-orang yang apabila mereka melakukan perbuatan keji atau menganiaya diri mereka sendiri, ingat kepada Allah, lalu mereka memohon ampun atas dosa-dosa mereka dan siapakah yang dapat mengampuni dosa kecuali Allah? dan mereka tidak tetap (dalam kesalahan) yang telah mereka l a k u k a n , s e d a n g m e r e k a m e n g e t a h u i . ”

(Āli ‘Imrān, 3: 135).

Menurut Ibn Kathīr (1999), ayat ini menggambarkan sifat orang bertakwa. Sekiranya mereka melakukan dosa besar atau kecil, mereka tidak terus-menerus berada dalam dosa tersebut, sebaliknya mereka segera mengingati Allah lalu memohon keampunan. Beliau menegaskan bahawa ini adalah tanda orang beriman yang benar; mereka mungkin tergelincir, tetapi segera kembali kepada Allah dengan taubat dan istighfar.

Terdapat banyak hadith yang memberikan gambaran bahawa dosa besar membawa kepada kemurkaan Allah dan kebinasaan. Nabi Muhammad SAW juga menyebut tujuh dosa besar seperti syirik, membunuh, sihir, memakan riba, memakan harta anak yatim, lari dari medan perang, dan menuduh wanita baik-baik berzina (al-Bukhārī, 2002, Muslim 2006). Ekspresi naqliyah (al-Quran dan hadith) terhadap dosa-dosa besar adalah sangat signifikan untuk menjadi rujukan dan panduan dalam pengurusan kehidupan seorang Muslim dalam perkara yang berkaitan dengan batasan dan larangan yang perlu di jauhi demi kemaslahatan mereka terutamanya dalam isu-isu yang berkaitan dengan teknologi digital yang digunakan dengan begitu meluas dalam masyarakat ini.

Penulisan dan kajian ini adalah bertujuan untuk menjelaskan tentang ekspresi dosa-dosa besar dalam al-Quran dan hadith untuk tindakan lanjut setiap muslim agar sentiasa mendapat panduan wahyu dalam mencorak kehidupan yang sejahtera di dunia dan juga akhirat. Di antara objektif lain yang berkaitan adalah seperti berikut:

1. Menghuraikan konsep dosa besar berdasarkan al-Quran dan hadith.
2. Menganalisis ekspresi dosa besar dalam konteks era digital.
3. Menilai kesan sosial dan spiritual dosa besar di era digital terhadap masyarakat Muslim.
4. Menyediakan cadangan untuk menangani isu-isu moral dan sosial di era digital.

## Sorotan Literatur

### Tradisi Klasik

Konsep dosa besar (*al-kabā'ir*) telah diberikan perhatian khusus oleh ulama sejak zaman awal Islam. Al-Dhahabī (1993) menyenaraikan lebih daripada tujuh puluh dosa besar, merangkumi aspek akidah, ibadah, muamalat, serta akhlak. Penyenaraian ini menjadi rujukan penting dalam menilai tahap keseriusan sesuatu maksiat, kerana ia membawa implikasi besar di dunia dan akhirat.

Ibn Hajar al-Haytamī (1987) pula, melalui karyanya *al-Zawājir 'an Iqtirāf al-Kabā'ir*, tidak sekadar menyenaraikan dosa besar, tetapi menghuraikan dengan lebih terperinci termasuk dimensi hukum fiqh dan dalil-dalil naqliyah yang berkaitan. Perbahasan beliau menekankan kesan dosa besar terhadap individu dan masyarakat, serta kedudukannya dalam kerangka syariah. Tradisi klasik ini jelas menunjukkan bahawa kesedaran terhadap dosa besar menjadi asas kepada pembentukan peribadi Muslim yang berdisiplin dan berakhlak.

### Pendekatan Kontemporari

Seiring dengan perubahan zaman, sarjana kontemporari menekankan bahawa fenomena dosa besar turut mengambil bentuk baharu. Al-Qaradāwī (1994), menegaskan bahawa globalisasi, perkembangan teknologi maklumat, dan digitalisasi telah membuka ruang kepada bentuk dosa moden seperti penipuan siber, penyalahgunaan media sosial, penyebaran maklumat palsu, serta ketagihan pornografi digital. Hal ini menunjukkan bahawa konsep dosa besar perlu difahami secara dinamik dengan mengambil kira realiti semasa, tanpa mengabaikan prinsip asas syariah.

Rosenthal (2007) dalam kajiannya menekankan bahawa ilmu memainkan peranan utama dalam mengekang keruntuhan moral. Beliau menggariskan bahawa kekosongan ilmu atau kelemahan pendidikan agama akan mendedahkan masyarakat kepada keruntuhan akhlak. Dalam konteks ini, ilmu bukan sahaja difahami sebagai pengetahuan akademik, tetapi juga meliputi ilmu agama yang membimbing individu mengenal dosa, pahala, halal, dan haram.

### Kajian Tempatan

Kajian empirikal tempatan juga menunjukkan kebimbangan yang sama. Hashim (2021) mendapati bahawa media sosial mempunyai pengaruh yang rapat dengan masalah moral dalam kalangan remaja Muslim di Malaysia. Antara isu yang dibangkitkan termasuk budaya hedonisme, pendedahan kepada kandungan tidak bermoral, serta kecenderungan menormalisasikan maksiat secara digital. Dapatan ini seiring dengan pandangan ulama kontemporari bahawa cabaran dosa besar kini muncul dalam bentuk baharu yang lebih kompleks akibat digitalisasi.

Di samping itu, beberapa kajian lain di Nusantara juga menegaskan bahawa media digital sering kali menjadi ruang subur bagi penyebaran fitnah, berita palsu, serta normalisasi gaya hidup bertentangan dengan nilai Islam (Ahmad 2019; Ismail 2020). Justeru, penyelidikan ini menguatkan hujah bahawa dosa besar perlu dilihat bukan sahaja dari dimensi tradisi, tetapi juga dalam kerangka sosio-teknologi semasa.

Gabungan dapatan klasik dan kontemporari menunjukkan bahawa memahami dosa besar memerlukan pendekatan interdisiplin. Tradisi Islam menyediakan kerangka normatif yang kukuh, sementara kajian kontemporari memberi gambaran bagaimana dosa itu muncul dalam bentuk baharu. Oleh itu, terdapat keperluan mendesak untuk menghubungkan tradisi Islam dengan realiti sosial moden agar pendekatan pendidikan, dakwah, dan polisi awam dapat dibangunkan secara lebih relevan dan berkesan.

### Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menumpukan kepada kajian perpustakaan (library research) sebagai kaedah utama pengumpulan data. Semua bahan rujukan diperoleh daripada sumber primer dan sekunder yang berkaitan dengan topik dosa-dosa besar dalam al-Quran dan hadith. Sumber primer terdiri daripada al-Quran beserta kitab-kitab tafsir muktabar seperti *Tafsīr al-Ṭabarī*, *Tafsīr Ibn Kathīr* dan *Tafsīr al-Qurṭubī*, serta kitab-kitab hadith utama seperti *Sahih al-Bukhārī*, *Sahih Muslim*, *Sunan al-Tirmidhi* dan karya ulama seperti *al-Kaba'ir* oleh al-Dhahabī. Sumber sekunder pula melibatkan buku akademik, artikel jurnal, tesis, serta penulisan kontemporari berkaitan isu dosa besar dan kaitannya dengan fenomena sosial era digital.

Kaedah analisis yang digunakan ialah analisis kandungan (content analysis) dengan meneliti teks nas naqliyyah serta ekspresinya dalam bentuk lafaz, istilah, dan gaya bahasa yang digunakan dalam al-Quran dan hadith. Penelitian ini dilakukan untuk mengenal pasti bagaimana dosa-dosa besar digambarkan, termasuk dengan ancaman keras, perumpamaan, dan penekanan berulang. Analisis ini turut diperkukuh dengan pendekatan tematik (thematic analysis), iaitu mengenal pasti tema-tema utama dosa besar dalam nas naqliyyah dan kemudian menghubungkannya dengan isu-isu sosial semasa dalam konteks digitalisasi, seperti penyebaran fitnah di media sosial, penipuan kewangan digital, pornografi dalam talian, serta budaya hedonisme maya.

Melalui gabungan kedua-dua pendekatan ini, kajian dapat menelusuri bukan sahaja dimensi teks nas, tetapi juga relevansi praktikalnya terhadap realiti masyarakat moden. Dengan itu, metodologi ini diharapkan mampu memberikan satu kefahaman yang mendalam mengenai ekspresi dosa-dosa besar menurut al-Quran dan hadith, serta signifikansinya dalam menghadapi cabaran sosial pada era digital.

## Dapatan Kajian dan Perbincangan

### Konsep Dosa Besar

Dalam Islam, dosa dibahagikan kepada dosa besar (*al-kabā'ir*) dan dosa kecil (*al-ṣaghā'ir*). Al-kabā'ir merujuk kepada dosa-dosa besar yang jelas ditegah oleh Allah dan Rasul-Nya, disertai dengan ancaman azab di dunia atau akhirat. Sebaliknya, al-ṣaghā'ir ialah kesalahan yang lebih ringan dan biasanya diampuni melalui amalan soleh harian seperti solat, puasa, dan istighfar. Dalil utama pembahagian ini ialah firman Allah SWT:

﴿ إِن تَجْتَنِبُوا كَبَائِرَ مَا تُنْهَوْنَ عَنْهُ نُكَفِّرْ عَنْكُمْ سَيِّئَاتِكُمْ وَنُدْخِلَكُمْ مُدْخَلَ كَرِيمٍ ﴾

Maksudnya: “Jika kamu menjauhi dosa-dosa besar di antara dosa-dosa yang kamu dilarang melakukannya, nescaya Kami hapuskan kesalahan-kesalahan kecil kamu, dan Kami masukkan kamu ke tempat yang mulia (syurga).”

(al-Nisa', 3: 31)

Al-Qurtubī (1964) menjelaskan bahawa ayat ini mengandungi isyarat bahawa dosa terbahagi kepada dua kategori: kabā'ir (besar) dan ṣaghā'ir (kecil). Dosa kecil akan dihapuskan melalui amal soleh seperti solat, puasa, dan istighfar, manakala dosa besar memerlukan taubat yang khusus dan bersungguh-sungguh. Ayat ini menunjukkan adanya perbezaan kategori antara dosa besar dan dosa kecil dengan takrifan masing-masing di kalangan ulama-ulama Islam kerana ia tidak dinyatakan dengan jelas tentang takrifan dosa besar dalam al-Quran mahupun hadith.

### Pandangan Ulama Klasik

#### Al-Dhahabī (w. 748H)

Dalam Kitab *al-Kabā'ir*, (1993) al-Dhahabī mendefinisikan dosa besar iaitu setiap dosa yang disertai ancaman azab, laknat, kemurkaan Allah, atau hukuman hudud di dunia. Beliau menyenaraikan lebih 70 dosa besar, antaranya syirik, sihir, membunuh tanpa hak, meninggalkan solat, tidak menunaikan zakat, memakan riba, derhaka kepada ibu bapa, zina, minum arak, dan lain-lain. Menurut beliau, dosa kecil akan menjadi besar apabila dilakukan secara berterusan tanpa taubat.

#### Ibn Hajar al-Haytamī (w. 974H)

Kitab *al-Zawājir 'an Iqtiraf al-Kabā'ir*, (2003) Ibn Hajar al-Haytamī menjelaskan bahawa dosa besar ialah setiap perbuatan maksiat yang ditegaskan sebagai dosa dengan ancaman azab, laknat, kemurkaan, atau hukuman syarak. Beliau memperluas senarai al-Dhahabī kepada lebih daripada 400 dosa besar dengan huraian fiqh yang terperinci. Contohnya, beliau membahaskan bukan sahaja zina, tetapi juga bentuk pergaulan bebas dan perbuatan mendekati zina.

#### Imam al-Nawawī (w. 676H)

Al-Nawawī (2002) berpendapat bahawa dosa besar ialah setiap dosa yang disebut secara jelas oleh syarak dengan ancaman azab, sama ada di dunia atau akhirat. Beliau menegaskan bahawa

pembahagian ini penting untuk kefahaman hukum, namun Allah SWT sahaja yang mengetahui ukuran sebenar setiap dosa.

### **Ibn Taymiyyah (w. 728H)**

Ibn Taymiyyah (1997) menyatakan dosa besar ialah setiap perbuatan yang melanggar hak Allah atau hak manusia dengan ancaman azab. Namun, ia boleh diampuni dengan taubat nasuha, kerana rahmat Allah mendahului kemurkaan-Nya.

### **Pandangan Kontemporari**

Sarjana moden menegaskan bahawa konsep dosa besar perlu difahami secara dinamik. Yusuf al-Qaradāwī (1994) dalam *al-kabā'ir* menekankan bahawa dosa besar kini meliputi juga isu kontemporari seperti rasuah, manipulasi ekonomi, penyalahgunaan kuasa, kerosakan alam sekitar dan jenayah digital. Menurut beliau, kaedah mengenal pasti dosa besar masih sama: iaitu perbuatan yang jelas ditegah syarak dengan ancaman azab. Namun, aplikasinya perlu dikaitkan dengan konteks semasa. Berdasarkan perbincangan ulama, dosa besar dapat dikenal pasti melalui beberapa tanda:

1. Disebut dalam al-Quran atau hadis dengan ancaman azab neraka.
2. Mendapat laknat Allah SWT atau Rasulullah SAW.
3. Disertai dengan hukuman hudud di dunia (seperti zina, mencuri, qazaf, minum arak).
4. Perbuatan yang merosakkan akidah, akhlak, atau masyarakat secara serius.

### **Kategori Dosa-dosa Besar**

Para ulama berbeza pendapat tentang bilangan dosa besar, tetapi mereka sepakat bahawa terdapat dosa besar, dosa yang lebih besar dan terbesar (al-Dhahabī 1993; Ibn Hajar, 1987). Dosa besar berbeza kedudukannya adalah disebabkan dua faktor iaitu; (1) terdapat nas atau teks wahyu yang menyatakan demikian seperti hadith riwayat al-Bukhārī dan Muslim. Sabda Rasulullah SAW:

أَلَا أَنبِئُكُمْ بِكَبِيرِ الْكَبَائِرِ؟ قَالُوا: بَلَى يَا رَسُولَ اللَّهِ، قَالَ: الْإِشْرَاقُ بِاللَّهِ، وَعُقُوقُ الْوَالِدَيْنِ. وَكَانَ مُتَكِنًا فَجَلَسَ، فَقَالَ: أَلَا وَقَوْلُ الزُّورِ، أَلَا وَشَهَادَةُ الزُّورِ. فَمَا زَالَ يَقُولُهَا حَتَّى قُلْنَا: لَيْتَهُ سَكَتَ.

Maksudnya: “Mahukah aku khabarkan kepada kamu tentang dosa yang paling besar di antara dosa-dosa besar tersebut? Para sahabat menjawab: Sudah tentu, wahai Rasulullah. Baginda bersabda: (Dosa tersebut ialah) syirik terhadap Allah, dan derhaka kepada kedua ibu bapa. Ketika itu baginda sedang bersandar, lalu duduk tegak bersila sambil bersabda: Ingatlah, (dosa yang sangat besar juga ialah) perkataan dusta, ingatlah (juga) kesaksian palsu. Baginda terus mengulanginya berulang-ulang kali sehingga kami (para sahabat) berharap baginda berhenti (daripada mengulanginya).”

(al-Bukhārī, no. 2654 & Muslim, no. 87)

Ibn Hajar al-‘Asqalānī (w. 852H) dalam *Fath al-Bārī* (2001) menekankan bahawa penyebutan *qawl al-zūr* (perkataan dusta) dan *shahādat al-zūr* (kesaksian palsu) secara berulang-ulang oleh Rasulullah SAW menandakan ia sering diremehkan oleh manusia berbanding syirik atau derhaka kepada ibu bapa, sedangkan bahayanya sangat besar. Hadith tersebut dengan jelas menyatakan dosa tersebut adalah antara dosa-dosa yang sangat besar di sisi Allah dengan memberi penekanan khusus terhadap dengan mengulanginya berulang-ulang kali dengan serius.

Begitu juga kategori kedua (2) dosa besar akan menjadi semakin besar apabila impaknya menjadi semakin besar berbanding dosa-dosa lain seperti firman Allah tentang fitnah yang diviralkan dalam kalangan masyarakat. Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اجْتَنِبُوا كَثِيرًا مِّنَ الظَّنِّ إِنَّ بَعْضَ الظَّنِّ إِثْمٌ ۖ وَلَا تَجَسَّسُوا وَلَا يَغْتَب بَّعْضُكُم بَعْضًا ۚ  
أُحِبُّ أَحَدَكُمْ أَن يَأْكُلَ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا فَكَرِهْتُمُوهُ ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ إِنَّ اللَّهَ تَوَّابٌ رَّحِيمٌ

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan dari sangkaan (prasangka buruk), sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa. Dan janganlah kamu mencari-cari kesalahan orang lain, dan janganlah sebahagian kamu mengumpat sebahagian yang lain. Adakah seseorang di antara kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? Maka tentulah kamu merasa jijik. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Penerima taubat lagi Maha Penyayang.”

(al-Hujurāt, 49:12)

Ayat ini menjelaskan bahawa berita yang disebarkan tersebut di era teknologi ini akan memberikan impak buruk yang sangat besar kepada individu dan masyarakat umum kesan viral terhadap berita tersebut. Menurut al-Ṭabarī (1997), perumpamaan “makan daging saudara yang mati” adalah perumpamaan keras untuk menunjukkan betapa jijiknya perbuatan mengumpat.

### Ekspresi Dosa Besar Dalam al-Quran dan Hadith di Era Digital

Ekspresi naqliyah menggambarkan dosa-dosa besar adalah sangat signifikan dalam kehidupan muslim masa kini. Cabaran maklumat palsu, penyebaran fitnah, dan budaya “viral” seperti menipu, mengumpat, dan menyebarkan aib. Normalisasi maksiat di ruang maya yang menggalakkan hiburan melampau, zina, keruntuhan akhlak, kecuai dalam tanggungjawab muslim telah menghakis nilai agama. Penyalahgunaan teknologi seperti buli siber, ghibah, namimah, dan fitnah di era digital ini membuka ruang baru bagi dosa besar yang lebih mudah dilakukan, tersebar luas, dan sukar dikawal. Justeru, pendekatan agama (naqliyah) dengan etika digital sangat penting bagi membimbing masyarakat Muslim daripada terlibat maksiat zaman moden ini.

### Tegas dan Serius Terhadap Syirik

Dosa syirik digambarkan dalam al-Quran dan hadith sebagai dosa terbesar yang tidak diampunkan dan mereka yang melakukan syirik berada dalam kesesatan yang sangat jauh. Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَغْفِرُ أَنْ يُشْرَكَ بِهِ وَيَغْفِرُ مَا دُونَ ذَلِكَ لِمَنْ يَشَاءُ ۚ وَمَنْ يُشْرِكْ بِاللَّهِ فَقَدْ افْتَرَىٰ  
إِثْمًا عَظِيمًا

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah tidak akan mengampunkan dosa syirik mempersekutukan-Nya, dan Dia mengampunkan dosa yang lain bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya.”

(al-Nisā’, 4: 48)

Ibn Kathīr (1999) menyatakan bahawa ayat ini menunjukkan syirik adalah dosa paling besar kerana menafikan tauhid, asas keimanan. Dosa lain berpeluang diampunkan dengan rahmat Allah, tetapi syirik adalah sebaliknya. Al-Tabarī (1997) menegaskan bahawa Allah menutup pintu taubat bagi orang yang mati dalam keadaan syirik, berbeza dengan dosa lain.

Gambaran dosa syirik dalam al-Quran adalah sangat buruk dan keji yang digambarkan dengan dosa terbesar dan seburuk-buruk perkara (al-Nisā', 4:48), amalan yang paling zalim (Luqmān, 31:13), menghapuskan segala amalan baik (al-Zumar, 39:65), dan pelakunya kekal dalam neraka (al-Baqarah, 2: 215). Kebanyakan hadith tentang dosa besar (al-Bukhārī, no. 4477; Muslim, no. 86) pasti akan memasukkan dosa syirik sebagai ciri pertama dalam semua hadith yg berkaitan dosa syirik. (al-Bukhārī, no. 2766; Muslim, no. 89). Para ulama sepakat dan ijma' bahawa dosa terbesar adalah syirik (al-Dhahabī, 1993). Peringatan tentang dosa-dosa syirik dalam era digital sangatlah signifikan seperti mempercayai bintang-bintang tertentu berkaitan tarikh-tarikh kelahiran menentu masa depannya, fengshui, petua-petua tradisi dalam masyarakat melayu seperti menyapu sampah waktu malam membawa kepada kemiskinan dan sebagainya.

Syirik adalah dosa terbesar yang membawa kepada kekufuran. Di era digital, ia muncul dalam bentuk penyebaran ideologi ateis dan sekularisme ekstrem melalui platform media sosial. Bahkan mereka juga menjadikan selebriti, "influencer", atau "AI" (intelligent artificial) sebagai sumber nilai mutlak hingga melampaui ketaatan kepada Allah.

Fenomena ini juga menormalisasikan penafian Tuhan secara terbuka, hampir menyamai pengisytiharan kufur. Ramai yang mengangkat selebriti, influencer atau tokoh tertentu seolah-olah menjadi rujukan mutlak melebihi Allah dan rasul. Bahkan taksuf sehingga sanggup meninggalkan kewajipan agama. Allah SWT menyatakan: "Maka adakah engkau melihat orang yang menjadikan hawa nafsunya sebagai tuhan?..." (al-Jāthiyah, 45:23).

Begitu juga permainan video atau aplikasi yang mengandungi unsur pemujaan, jampi, sumpahan, penggunaan kuasa ghaib dan simbol syaitan seperti permainan (game) yang mengajar pengguna "memanggil roh", menyembah berhala maya, atau menggunakan azimat tertentu. Perbuatan sihir dan santau masih berleluasa. Mereka menggunakan khidmat bomoh atau dukun untuk tujuan tersebut. Nabi Muhammad SAW melarang segala bentuk syirik dalam sabdanya: "Sesiapa yang mendatangi tukang tilik lalu membenarkan kata-katanya, maka dia telah kufur dengan apa yang diturunkan kepada Muhammad." (Musnad Ahmad, no. 950).

Dosa riya' dan takbur yang dipamerkan dalam media sosial pada hari ini dalam solat, sedekah, doa atau amalan baik bukan kerana Allah tetapi untuk "likes" dan perhatian juga berpotensi merosakkan ikhlas dan boleh menjadi syirik kecil dan dinafikan syurga seperti sabda Rasulullah SAW: "Tidak akan masuk syurga orang yang di dalam hatinya terdapat seberat zarah sifat sombong (*takabbur*)..." (Muslim, no. 90)

Ramalan nasib online seperti horoskop dan tarot digital melalui aplikasi horoskop, tarot reading, dan "AI fortune telling" yang memberi ramalan jodoh, rezeki, kematian memberi kesan kepada akidah melalui kepercayaan karut yang menafikan tauhid rububiyah. Ada yang terlalu obses dengan mata wang kripto, atau saham sehingga dijadikan "tuhan moden" sehingga sanggup melanggar hukum halal haram demi keuntungan. Nabi SAW bersabda: "Celakalah hamba dinar, celakalah hamba dirham..." (al-Bukhārī, no 2887). Berkenaan isu-isu sosial yang berlegar dalam kalangan masyarakat hari ini, maka ekspresi yang sangat serius dalam al-Quran dan hadith adalah sangat signifikan.

### Digambar Sebagai Sangat Hampir Kepada Kekufuran

Di era digital, ketagihan media sosial, permainan dalam talian, atau hiburan maya menyebabkan generasi muda meninggalkan solat. Walaupun para ulama berbeza pandangan sama ada hukumnya kafir atau tidak, hakikatnya dosa meninggalkan solat secara sengaja adalah hampir kepada kekufuran. Nabi SAW bersabda: “Perjanjian antara kami dan mereka ialah solat. Sesiapa yang meninggalkannya, maka sesungguhnya dia telah kafir.” (Muslim, no. 82)

Ekspresi naqliyah menggambarkan seolah-olah perbuatan tersebut sangat hampir kepada kekufuran atau sebaris dengan kufur dari segi keburukan dan implikasinya. Al-Quran menggambarkan arak sebagai najis atau kotoran seperti firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِنَّمَا الْخَمْرُ وَالْمَيْسِرُ وَالْأَنْصَابُ وَالْأَزْلَامُ رِجْسٌ مِّنْ عَمَلِ الشَّيْطَانِ فَاجْتَنِبُوهُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya arak, judi, pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan batang-batang anak panah adalah kotor (keji) daripada perbuatan syaitan. Oleh itu, hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu berjaya.”

(al-Mā'idah, 5:90)

Begitu juga sabda Rasulullah SAW: “Peminum arak yang mati sedangkan dia belum bertaubat, dia akan bertemu Allah seperti penyembah berhala.” (Ibn Mājah, no. 3375). Arak disebut dalam al-Quran sebagai “لُّمُ الْخَبَائِثِ” (ibu segala kejahatan) kerana ia membuka jalan kepada dosa lain. Manakala hadith menunjukkan bahawa ketagihan arak (*mudmin al-khamr*) bukan sekadar maksiat sosial, tetapi diletakkan seumpama syirik, kerana ia merosakkan akidah, akhlak dan amal ibadah.

Walaupun fitnah tidak membatalkan iman secara langsung, namun ia digolongkan sebagai dosa yang menghampiri kekufuran kerana menafikan prinsip keadilan. Rasulullah SAW bersabda: “Mencaci seorang Muslim itu fasik, dan memeranginya adalah kufur.” (al-Bukhārī, no. 48). Dalam kes zina dan mencuri, Rasulullah SAW menggambarkan diri mereka semasa melakukan dosa tersebut seolah-olah tiada iman dengan merujuk kepada keadaan iman mereka yang tidak sempurna telah mendorong mereka melakukan perbuatan zina dan mencuri. Sabda Rasulullah SAW:

لَا يَزْنِي الزَّانِي حِينَ يَزْنِي وَهُوَ مُؤْمِنٌ، وَلَا يَسْرِقُ السَّارِقُ حِينَ يَسْرِقُ وَهُوَ مُؤْمِنٌ، وَلَا يَشْرِبُ الْخَمْرَ حِينَ يَشْرِبُهَا وَهُوَ مُؤْمِنٌ

Maksudnya: “Tidaklah berzina seorang pezina ketika dia berzina dalam keadaan beriman, dan tidaklah mencuri seorang pencuri ketika dia mencuri dalam keadaan beriman, dan tidaklah seseorang meminum arak ketika dia meminumnya dalam keadaan beriman.”

(al-Bukhārī, no. 6311; Muslim, no. 57)

Dalam dunia digital, fitnah ini muncul dalam pelbagai bentuk seperti penyebaran “fake news” yang merosakkan maruah individu atau negara, buli siber sehingga membawa kepada bunuh diri. Ia juga berlaku dalam bentuk manipulasi media untuk membenci Islam. Perbuatan ini bukan sekadar dosa sosial, malah dianggap hampir kepada kekufuran kerana menghancurkan ukhuwah dan maruah umat. Al-Quran dan hadith dengan jelas menggambarkan bahawa terdapat dosa besar yang kedudukannya hampir dengan kekufuran, sama ada melalui aspek akidah, ibadah atau sosial.

### Diulang-ulang Kenyataan Dosa-dosa Besar

Nabi SAW telah memberi amaran tentang tiga dosa besar tersebut malah diulang berkali-kali untuk menarik perhatian para sahabat agar tidak melakukan dosa-dosa tersebut yang implikasinya sangat besar. Sabda Nabi SAW:

أَلَا أُبَيِّنُكُمْ بِكَبِيرِ الْكِبَائِرِ؟ قَالُوا: بَلَى يَا رَسُولَ اللَّهِ، قَالَ: الْإِشْرَافُ بِاللَّهِ، وَعُثُوقُ الْوَالِدَيْنِ.  
وَكَانَ مُتَكِنًا فَجَلَسَ، فَقَالَ: أَلَا وَقَوْلُ الزُّورِ، أَلَا وَشَهَادَةُ الزُّورِ. فَمَا زَالَ يَقُولُهَا حَتَّى قُلْنَا:  
لَيْتَهُ سَكَتَ.

Maksudnya: “Mahukah aku khabarkan kepada kamu tentang dosa yang paling besar di antara dosa-dosa besar tersebut? Para sahabat menjawab: Sudah tentu, wahai Rasulullah. Baginda bersabda: (Dosa tersebut ialah) syirik terhadap Allah, dan derhaka kepada kedua ibu bapa. Ketika itu baginda sedang bersandar, lalu duduk tegak bersila sambil bersabda: Ingatlah, (dosa yang sangat besar juga ialah) perkataan dusta, ingatlah (juga) kesaksian palsu. Baginda terus mengulangnya berulang-ulang kali sehingga kami (para sahabat) berharap baginda berhenti (daripada mengulangnya).”

(al-Bukhārī, no. 2654 & Muslim, no. 87)

Perulangan tersebut dilihat dengan jelas apabila Rasulullah SAW mengulangnya sejak di awal hadith lagi sebanyak tiga kali. Pengulangan seterusnya (*qawl al-zur wa shahadat al-zur*) berulang kali dan baginda SAW kemudiannya duduk tegak ialah suatu cara retorik untuk menunjukkan betapa serius dan besar bahayanya. Para perawi dan mufassirin menjelaskan bahawa Nabi SAW mengulangnya kerana mahu memberikan amaran yang kuat. Perkara itu mesti diambil serius oleh umat Islam. Ingatan tersebut sangat sesuai dengan berita palsu dan fitnah yang begitu cepat viral begitu meluas sekali dalam media sosial hari ini.

Begitu juga hadith yang diulang-ulang akan bahaya dan ancaman tersebut dalam dosa besar seperti dosa melakukan pendustaan hatta dalam bergurau atau sekalipun dijadikan bahan lawak sebagaimana tersebar di dalam media-media dan program realiti hari ini seperti program “Maharaja Lawak” dan program realiti tv adalah sangat signifikan dengan hadith tersebut. Di sebalik larangan Allah SWT dalam al-Quran, dosa besar tersebut yang diulang-ulang akan ancamannya untuk menyatakan akan impaknya yang sangat buruk seperti firman Allah SWT:

وَمَنْ يَقْتُلْ مُؤْمِنًا مُتَعَمِّدًا فَجَزَاؤُهُ جَهَنَّمُ خَالِدًا فِيهَا وَغَضِبَ اللَّهُ عَلَيْهِ وَلَعَنَهُ وَأَعَدَّ لَهُ عَذَابًا عَظِيمًا

Maksudnya: “Dan sesiapa yang membunuh seorang mukmin dengan sengaja, maka balasannya ialah neraka Jahannam, kekal ia di dalamnya, dan Allah murka kepadanya, serta melaknatnya, dan menyediakan baginya azab yang besar.”

(al-Nisā', 4: 93)

Ayat ini adalah ancaman yang sangat keras kepada sesiapa yang membunuh seorang mukmin dengan sengaja (Ibn Kathīr, 1999). Ia dianggap antara ancaman paling berat dalam al-Quran kerana Allah menegaskan empat bentuk hukuman kepada pembunuh dengan sengaja; pelakunya diazab seolah-olah kekal dalam neraka sebagai ekspresi yang sangat menakutkan bagi kesalahan membunuh seolah-olah sama seperti mereka yang kufur iaitu kekal dalam neraka walaupun sebenarnya tidak bersifat kekal dalam neraka (al-Qurtubī, 1964). Kemudiannya diulangi lagi dengan kemurkaan Allah dan laknat ke atasnya. Ayat ini ditutup dengan azab yang besar adalah perulangan dan penegasan bahawa balasan akhirat amat pedih dan mengerikan sebagaimana azab neraka yang disebut di awalnya.

Dalam konteks digital, penyebaran kebencian, fitnah atau provokasi di media sosial yang akhirnya membawa kepada pembunuhan juga boleh dianggap jalan kepada dosa besar ini. Keganasan, peperangan tanpa hak, pembunuhan kerana dendam dan jenayah moden seperti gangsterisme, pembunuhan upahan adalah termasuk dalam kategori ini.

Begitu juga dosa-dosa lain yang diulang-ulang akan kesan buruknya sebagai amaran agar mereka berhati-hati dengan perulangan tersebut seperti kesalahan dan akibat daripada zina, kezaliman, kesombongan dan akhlak keji. Pengulangan nas dalam al-Quran dan hadith adalah kaedah retorik wahyu yang menunjukkan betapa dahsyatnya dosa tertentu. Syirik, zina, riba, fitnah, dan pembunuhan adalah antara dosa yang diulang berkali-kali kerana kesannya yang meluas terhadap akidah, akhlak, sosial, dan kemaslahatan masyarakat. Pengulangan nas menuntut agar umat Islam sentiasa berwaspada, memperbaharui kefahaman, dan membina benteng digital yang berteraskan syariah supaya dosa besar tidak dinormalisasi dalam kehidupan moden.

### Penggunaan Istilah Yang Sangat Buruk dan Jijik Kepada Pelakunya

Selain dosa syirik (Luqmān, 31:13), terdapat banyak lagi dosa-dosa besar yang digambarkan sangat jijik dalam al-Quran dan hadith. Dalam surah al-Hujurāt, Allah melarang daripada sifat berburuk sangka, mencari aib orang dan menyebarkan aibnya seperti yang berlaku hari ini. Kes-kes seumpama ini diviralkan dengan meluas dalam internet dan saluran media sosial. Allah SWT memberi gambaran yang sangat buruk dengan analogi seperti memakan bangkai saudaranya sendiri seperti dalam firman-Nya:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اجْتَنِبُوا كَثِيرًا مِّنَ الظَّنِّ إِنَّ بَعْضَ الظَّنِّ إِثْمٌ ۖ وَلَا تَجَسَّسُوا وَلَا يَغْتَبَ بَعْضُكُم بَعْضًا ۚ أَيُحِبُّ أَحَدُكُمْ أَن يَأْكُلَ لَحْمَ أَخِيهِ مَيْتًا فَكَرِهْتُمُوهُ ۚ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ إِنَّ اللَّهَ تَوَّابٌ رَّحِيمٌ

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan dari sangkaan (prasangka buruk), sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa. Dan janganlah kamu mencari-cari kesalahan orang lain, dan janganlah sebahagian kamu mengumpat sebahagian yang lain. Adakah seseorang di antara kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? Maka tentulah kamu merasa jijik. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Penerima taubat lagi Maha Penyayang.”

(al-Hujurāt, 49:12)

Menurut Ibn Kathīr (1999), Allah SWT menggunakan perumpamaan *ghībah* (mengumpat) sebagai perbuatan memakan bangkai saudara sendiri yang kotor, busuk, dan jijik. Maka begitulah jijiknya perbuatan mengumpat di sisi Allah SWT. Ini Menunjukkan betapa keji perbuatan mengumpat dalam Islam, walaupun mungkin dianggap remeh oleh setengah manusia. Mengumpat seorang mukmin bukan sahaja dosa peribadi, tetapi juga pengkhianatan terhadap tali persaudaraan Islam.

Di zaman digital, dosa mengumpat, fitnah dan dosa sosial lain menjadi lebih luas dan berbahaya kerana perkara ini berlaku melalui status, komen, atau ciapan yang mendedahkan aib seseorang. Ia dengan mudahnya disebarkan kepada ribuan atau jutaan orang dalam sekelip mata. Lebih berat lagi kesannya apabila ia tersebar luas dengan niat untuk menjatuhkan reputasi individu ataupun organisasi tertentu. Ini adalah pembunuhan karakter di media sosial dengan hantaran gambar, video, atau rakaman peribadi tanpa izin, lalu dijadikan bahan mengumpat atau ejekan. Ini boleh membawa kepada kemurungan, bunuh diri, atau permusuhan.

Dalam Islam, zina digambarkan dengan *fahīshah* (keji-jikan besar) kerana ia membawa kepada gejala sosial yang sangat serius. Firman Allah SWT:

وَلَا تَقْرُبُوا الزِّنَىٰ إِنَّهُ كَانَ فَاحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا

Maksudnya: “Dan janganlah kamu mendekati zina; sesungguhnya zina itu adalah suatu perbuatan yang keji, dan suatu jalan yang buruk.”

(al-Isrā’, 17:32)

Menurut al-Qurṭubī (1964), larangan ini lebih tegas kerana Allah SWT tidak menyebut “jangan berzina”, tetapi “jangan mendekati zina”. Ini membawa maksud setiap jalan yang membawa kepadanya turut dilarang. Beliau menekankan bahawa zina bukan hanya maksiat besar, tetapi punca kepada kerosakan sosial.

Akses yang sangat mudah dalam teknologi digital hari ini, menyebarkan pornografi digital melalui laman web lucah, aplikasi berbayar, dan media sosial. Zina di alam maya seperti *sexting*, video call intim atau *virtual adultery* sangat mudah diperolehi dan eksploitasi seksual digital mengundang pelbagai penyakit sosial seperti pedofilia siber, *revenge porn*, *online grooming* dan sebagainya. Istilah *fahīshah* menunjukkan jijiknya perbuatan ini walaupun ia dilakukan secara maya, kerana ia merosakkan maruah dan institusi keluarga serta masyarakat.

Allah SWT juga menggambarkan dosa riba menjadikan manusia hilang kewarasan seperti terkena hasutan syaitan, selaras dengan realiti hari ini di mana ramai terjebak dalam hutang digital yang tidak berkesudahan. Firman Allah SWT:

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ ۚ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ الرِّبَا ۚ وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا ۚ فَمَنْ جَاءَهُ مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّهِ فَانْتَهَى فَلَهُ مَا سَلَفَ وَأَمْرُهُ إِلَى اللَّهِ ۚ وَمَنْ عَادَ فَأُولَٰئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ ۖ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ

Maksudnya: “Orang-orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak akan berdiri melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk syaitan dengan terhuyung-hayang disebabkan sentuhan (penyakit gila). Yang demikian itu kerana mereka berkata: “Sesungguhnya jual beli itu sama dengan riba.” Padahal Allah telah menghalalkan jual beli dan mengharamkan riba. Maka sesiapa yang telah datang kepadanya peringatan daripada Tuhannya lalu dia berhenti, maka apa yang telah diambilnya dahulu adalah untuknya, dan urusannya terserahlah kepada Allah. Dan sesiapa yang kembali (mengambil riba), maka mereka itu adalah ahli neraka dan mereka kekal di dalamnya.”

(al-Baqarah, 2:275)

Orang yang memakan riba akan dibangkitkan di akhirat dalam keadaan gila, terhuyung-hayang dan tidak stabil, sebagai balasan kepada kerakusan mereka terhadap riba. Perumpamaan ini menunjukkan kehinaan dan azab yang pedih menanti mereka (Ibn Kathīr, 1999).

Terdedahnya masyarakat dengan riba memberi implikasi yang sangat buruk lebih-lebih lagi di era teknologi digital hari ini. Mereka dengan mudah dapat membuat pinjaman dalam talian dengan faedah yang sangat tinggi seperti khidmat ahleng kerana tamak dan terpedaya dengan skim cepat kaya, *forex* haram, dan perjudian digital. Akhirnya mereka terjatuh dengan belenggu hutang dan bangkrupsu.

### Dosa Besar Dengan Istilah Khusus

Terdapat istilah khusus yang digelar kepada pelaku dosa besar untuk menggambarkan buruknya perbuatan tersebut agar mereka mudah dikenali dan untuk menjauhkan diri daripada digelar sedemikian kerana kesannya di dunia dan akhirat sangatlah buruk.

Pendusta atau orang selalu berbohong akan dikenali sebagai *kadhhdhāb* (pendusta besar) akan menakutkan pelakunya dan mereka sepatutnya malu dengan gelaran demikian dengan mengelakkan diri daripada terjebak dan bertaubat di atas kesilapan lampau tersebut. Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ الصِّدْقَ يَهْدِي إِلَى الْبِرِّ، وَإِنَّ الْبِرَّ يَهْدِي إِلَى الْجَنَّةِ، وَإِنَّ الرَّجُلَ لَيَصْدُقُ حَتَّى يُكْتَبَ عِنْدَ اللَّهِ صِدْقًا، وَإِنَّ الْكَذِبَ يَهْدِي إِلَى الْفُجُورِ، وَإِنَّ الْفُجُورَ يَهْدِي إِلَى النَّارِ، وَإِنَّ الرَّجُلَ لَيَكْذِبُ حَتَّى يُكْتَبَ عِنْدَ اللَّهِ كَذَابًا

Maksudnya: “*Sesungguhnya benar itu membawa kepada kebaikan, dan kebaikan itu membawa ke syurga. Seseorang itu akan sentiasa berkata benar sehingga dia dicatat di sisi Allah sebagai seorang yang benar (ṣiddīq). Dan sesungguhnya dusta itu membawa kepada kejahatan, dan kejahatan itu membawa ke neraka. Seseorang itu akan sentiasa berdusta sehingga dicatat di sisi Allah sebagai pendusta (kadhdhāb).*”

(al-Bukhārī, no. 6094; Muslim, no. 2607)

Menurut al-Nawawī (2002), maksud *birr* di sini ialah segala jenis ketaatan, dan ia merupakan hasil daripada sifat benar. Rasulullah SAW mengaitkan dusta dengan kalimah *fujūr* (kerusakan moral dan kefasikan). Dusta bukan hanya kesalahan kecil, tetapi pintu kepada banyak dosa lain: fitnah, khianat, pengkhianatan amanah, dan penindasan. Orang yang membiasakan dusta akhirnya dicatat sebagai pendusta tegar (*kadhdhāb*). Gelaran ini menunjukkan status kehinaan dan betapa beratnya dosa berbohong.

Di zaman digital, dosa dusta lebih luas dan lebih bahaya melalui penyebaran maklumat palsu dengan berkongsi berita tanpa semakan mungkin dengan hanya *forward*, tetapi hakikatnya ia berpotensi membawa fitnah bahkan ada yang berdusta demi populariti semata-mata. Hadith ini memberi amaran keras: sesiapa yang selalu berdusta akan dicatat oleh Allah sebagai pendusta tegar. Dalam dunia digital, dosa ini lebih cepat menular kerana sekali dusta dikongsi, ia boleh tersebar kepada ribuan orang dalam beberapa saat.

Dalam keluarga, terdapat istilah dosa besar masing-masing untuk setia ahli keluarga seperti dayus (*dayyūs*) untuk suami yang tidak melarang orang di bawah tanggungjawabnya melakukan dosa dan maksiat. Manakala istilah nusyuz (*nusyūz*) pula diberikan kepada isteri yang derhaka terhadap Allah dan suaminya. Adapun untuk anak-anak yang derhaka kepada ibu-apaya dikenali sebagai *uquq al-walidain* (derhaka kepada kedua ibu-bapa). Rasulullah SAW bersabda:

ثَلَاثَةٌ لَا يَدْخُلُونَ الْجَنَّةَ: الْعَاقُ لِوَالِدَيْهِ، وَالذَّيُّوثُ، وَالْمُذْمِنُ عَلَى الْحِمْرِ

Maksudnya: “*Tiga golongan yang tidak akan masuk syurga: Anak yang derhaka kepada kedua ibu bapanya, lelaki dayyūs (iaitu lelaki yang membiarkan keburukan dan maksiat berlaku dalam keluarganya), dan orang yang ketagih arak.*”

(Ahmad, no. 5839)

Dayus moden berlaku dengan membiarkan isteri atau anak perempuan mendedahkan aurat, memuat naik gambar tidak sopan, atau berinteraksi bebas tanpa batasan syarak di media sosial. Malah ada suami atau ayah yang berbangga bila gambar keluarganya viral walaupun mendedahkan aurat. Allah SWT juga menganjurkan cara mendidik isteri yang nusyuz dengan cara menasihatinya, memulaukannya sementara dan memukulnya secara ringan jika perlu untuk mendidiknya agar jadi isteri yang taat seperti tindakan yang dinyatakan dalam al-Quran (al-Nisā': 34).

Nusyuz digital berlaku di mana berlaku hubungan mesra dengan lelaki ajnabi di media sosial. Malah ada juga isteri yang mengutamakan dunia digital (gadget dan rakan maya) lebih daripada tanggungjawab rumah tangga. Akhirnya rumah tangga mereka berantakan akibat daripada

dosa-dosa tersebut. Anak yang derhaka kepada kedua ibu-bapanya tidak kurang juga ancaman daripada Nabi SAW. Istilah-istilah dosa ini sangat buruk pada pandangan Islam dan boleh meruntuhkan institusi keluarga. Dalam era digital, dosa-dosa ini mendapat dimensi baru: melalui media sosial, internet, dan hiburan digital yang membuka peluang lebih luas untuk melanggar syariat.

*Ghulūl* merujuk kepada segala bentuk pengkhianatan terhadap amanah sama ada dalam harta, kuasa, maklumat, atau tanggungjawab. Menurut al-Nawawī (2002) *ghulūl* itu pada asalnya khusus bagi harta ghanimah, kemudian diperluas maknanya oleh para fuqaha' kepada setiap bentuk khianat terhadap harta yang diamanahkan. Imam Muslim meriwayatkan:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، قَالَ: قَامَ فِيْنَا رَسُولُ اللَّهِ ﷺ ذَاتَ يَوْمٍ، فَذَكَرَ الْغُلُولَ، فَعَظَّمَهُ وَعَظَّمَ أَمْرَهُ،  
ثُمَّ قَالَ: لَا أَلْفَيْنَ أَحَدَكُمْ يَجِيءُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ عَلَى رَقَبَتِهِ بَعِيرٌ لَهُ رُغَاءٌ، يَقُولُ: يَا رَسُولَ اللَّهِ  
أَغْنِنِي، فَأَقُولُ: لَا أَمْلِكُ لَكَ شَيْئًا، قَدْ أَبْلَعْتُكَ، ...

Maksudnya: “Daripada Abu Hurairah, beliau berkata: Rasulullah SAW berdiri di hadapan kami pada suatu hari lalu menyebut tentang *ghulūl*. Baginda memperingatkan kami dengan sangat keras, kemudian bersabda: “Jangan sampai aku dapati salah seorang daripada kalian datang pada hari kiamat dengan seekor unta yang menderum di atas tengkuknya lalu berkata: ‘Wahai Rasulullah, tolonglah aku!’ Maka aku akan menjawab: ‘Aku tidak memiliki kuasa untuk menolongmu, sesungguhnya aku telah menyampaikan peringatan...’”

(Muslim, no. 1831)

Ibn Hajar al-‘Asqalānī dalam *Fatḥh al-Bārī* (2001) menyatakan bahawa hadith ini termasuk dalam kategori ancaman keras. Hukuman ditunjukkan dalam bentuk visual yang mengerikan di Mahsyar supaya manusia takut daripada melakukan khianat walau sekecil apa pun. Khianat bukan sekadar merugikan manusia di dunia, tetapi menjadi seksaan di akhirat. Transaksi digital pada hari ini memberi ruang kepada *scammer* yang merompak duit orang melalui akaun bank atau “e-wallet” mungkin dipertanggungjawabkan dengan harta curian tersebut.

Penyebarkan fitnah digital akan dipertanggungjawabkan dengan dosa penyebaran maklumat palsu. Inilah bentuk *ghulul moden*: segala pengkhianatan digital juga bakal menjadi beban yang memalukan pelaku di hadapan Allah pada hari kiamat. Pengkhianat akan menanggung sendiri barang yang dikhianati pada hari akhira kelak. Firman Allah SWT:

وَمَا كَانَ لِنَبِيٍّ أَنْ يَغُلَّ ۚ وَمَنْ يَغُلْ يَأْتِ بِمَا عَلَّ يَوْمَ الْقِيَامَةِ ۚ ثُمَّ تُوَفَّى كُلُّ نَفْسٍ مَا كَسَبَتْ  
وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ

Maksudnya; “Dan tidaklah harus bagi seseorang Nabi itu melakukan khianat (dalam urusan harta rampasan perang). Dan sesiapa yang berkhianat, ia akan datang pada Hari Kiamat dengan apa yang dikhianatinya itu; kemudian tiap-tiap seorang akan dibalas akan apa yang telah diusahakannya dengan balasan yang cukup sempurna, sedang mereka tidak dizalimi.”

(Āli ‘Imrān, 3: 161)

*Ghulūl* adalah dosa besar dalam al-Quran (Āli ‘Imrān: 161; al-Anfāl: 27). Di era digital, *ghulūl* berlaku dalam bentuk: kecurian data, pecah amanah kewangan online, penyebaran fitnah digital, dan penipuan maya. Maka, umat Islam perlu lebih berhati-hati menjaga amanah digital kerana ia termasuk dalam ruang lingkup dosa besar ini.

Ekspresi naqliyyah tentang dosa besar dalam al-Quran dan hadith tidak terikat dengan bentuk klasik semata-mata, tetapi meliputi transformasi semasa yang memperluas ruang dosa melalui fitnah siber, pornografi, riba digital, dan kecurian siber. Justeru, umat Islam perlu membaca nas-nas naqliyyah dengan kefahaman kontemporari agar dapat mengekang cabaran digital yang rencam.

### Cadangan dan Kesimpulan

Hasil penelitian mendapati bahawa ekspresi dosa-dosa besar dalam al-Quran dan hadith membuktikan bahawa kedua-dua sumber wahyu tersebut bersifat relevan sepanjang zaman dan mampu diaplikasikan dalam sebarang konteks kehidupan manusia, termasuk era digitalisasi. Pertama, penegasan tentang dosa syirik menggambarkan bahawa ia merupakan dosa terbesar yang merosakkan asas ketauhidan dan menjadi punca keruntuhan tamadun (Āli ‘Imrān, 3:13). Kedua, sebahagian dosa besar diletakkan sebaris dengan kufur atau syirik, menandakan tahap keburukan serta impaknya yang sangat dahsyat terhadap individu dan masyarakat (al-Nisā’, 4:48). Ketiga, pengulangan ayat al-Quran dan hadith yang menyentuh tentang dosa-dosa besar berfungsi menarik perhatian umat Islam agar lebih memberi keutamaan kepada larangan tersebut, sebagaimana firman Allah SWT: “Dan janganlah kamu hampiri zina...” (al-Isrā’, 17:32). Keempat, gambaran dosa besar dengan istilah yang keras, jijik dan menggerunkan merupakan strategi pendidikan ilahi, sebagaimana larangan meminum arak digambarkan sebagai “*rijs*” (kekotoran) daripada perbuatan syaitan (al-Mā’idah, 5:90).

Oleh itu, ekspresi wahyu tentang dosa-dosa besar bukan sahaja berfungsi sebagai amaran rohani, malah turut mencerminkan satu mekanisme pendidikan yang menyentuh aspek akidah, akhlak, sosial, dan tamadun manusia. Hadith Nabi SAW menegaskan: “*Jauhilah tujuh perkara yang membinasakan...*” (al-Bukhārī, 2002, no. 2766; Muslim, 2000, no. 89). Dalam konteks era digitalisasi, mesej al-Quran dan hadith tetap signifikan untuk menangani pelbagai cabaran moden seperti penipuan siber, fitnah maya, ketagihan pornografi, perjudian digital, serta pelbagai bentuk jenayah elektronik lain (Rahman, 2009).

Umat Islam perlu menjadikan al-Quran dan hadith sebagai asas panduan etika digital, dengan menekankan kaitan antara dosa besar yang digambarkan wahyu dengan fenomena digital kontemporari. Firman Allah: “Maka ambillah (pengajaran daripadanya), wahai orang-orang yang mempunyai pandangan” (al-Hashr, 59:2). Institusi pendidikan dan pihak berautoriti agama wajar memperkenalkan modul khusus berkaitan dosa besar dalam konteks digital agar generasi Muslim memahami implikasinya secara praktikal. Al-Ghazali (1993) dalam *Ihya’ ‘Ulum al-Din* menegaskan bahawa pendidikan jiwa merupakan benteng utama daripada maksiat.

Kerajaan dan institusi Islam disarankan menggubal polisi penggunaan media digital yang selaras dengan syariah untuk membendung penyebaran dan normalisasi dosa besar di ruang maya, selaras dengan prinsip *sadd al-dharā’i* (menutup pintu kerosakan) (Kamali, 2008). Pendakwah, akademik dan penggiat media perlu memanfaatkan platform digital untuk menyebarkan kesedaran dan kefahaman tentang dosa besar secara kreatif dan berkesan, seiring dengan sabda Nabi SAW: “Sampaikanlah daripadaku walaupun satu ayat” (al-Bukhārī, no.

3461). Setiap Muslim perlu menanamkan sifat muraqabah (kesedaran sentiasa diawasi Allah) dalam penggunaan teknologi agar tidak terjerumus ke dalam dosa besar walaupun tanpa pengawasan manusia, sebagaimana firman Allah: “Dan Dia bersama kamu di mana sahaja kamu berada” (al-Hadid, 57:4).

Sehubungan itu, umat Islam hendaklah mengambil pengajaran yang mendalam daripada ekspresi dosa-dosa besar dalam al-Quran dan hadith. Penegasan wahyu terhadap dosa besar merupakan satu amaran keras yang menuntut tindakan segera dalam kehidupan moden, termasuk di alam digital. Al-Dhahabī (1993), dalam *al-Kabā'ir*, menegaskan bahawa dosa besar bukan sekadar pelanggaran syariah, tetapi ancaman serius terhadap kesejahteraan umat. Larangan ini tidak seharusnya difahami secara teori semata-mata, tetapi perlu diterjemahkan dalam bentuk amalan berakhlak, berintegriti dan beretika digital. Dengan penghayatan yang menyeluruh, umat Islam bukan sahaja dapat menyelamatkan diri daripada azab Allah SWT, bahkan turut memastikan kelestarian akidah, kehormatan diri, kesejahteraan sosial, serta kelangsungan tamadun manusia (Hashim, 2015). Dosa besar dalam al-Quran dan hadith kekal relevan sepanjang zaman, namun bentuk ekspresinya berubah mengikut perkembangan teknologi. Era digital menuntut pendekatan fiqh baharu yang mengintegrasikan prinsip klasik dengan realiti moden.

## Rujukan

- Ahmad ibn Hanbal. (n.d.). *Musnad Ahmad ibn Hanbal* (Vol. 5, Hadith 950). Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Bukhārī, Muḥammad ibn Ismā‘īl. (2002). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Vol. 1–9). Beirut: Dār Ibn Kathīr.
- Al-Dhahabī, Shams al-Dīn Muḥammad ibn Aḥmad. (1993). *Kitāb al-Kabā’ir*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Nasā’ī, Aḥmad ibn Shu‘ayb. (1999). *Sunan al-Nasā’ī al-Kubrā*. Beirut: Mu’assasat al-Risālah.
- Al-Nawawī, Yaḥyā ibn Sharaf. (2002). *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim* (Vol. 1–18). Beirut: Dār al-Ma‘rifah.
- Al-Qaraḍāwī, Yūsuf. (1994). *Al-Ḥalāl wa al-Ḥarām fī al-Islām*. Cairo: Maktabah Wahbah.
- Al-Qur’ān al-Karīm. (2007). *Mushaf Madinah*. Madinah: Muḥamma‘ al-Malik Fahd.
- Al-Qurtubī, Muḥammad ibn Aḥmad al-Anṣārī. (1964). *Al-Jāmi‘ li-Aḥkām al-Qur’ān* (Vol. 1–20). Cairo: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah.
- Al-Tabari, M. ibn J. (1997). *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil al-Qur'an* (Vol. 1–12). Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.)
- Al-Tirmidhī, Muḥammad ibn ‘Isā. (1996). *Sunan al-Tirmidhī*. Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmī.
- ‘Awdah, ‘Abd al-Qādir. (1992). *Al-Tashrī‘ al-Jinā’ī al-Islāmī*. Beirut: Mu’assasat al-Risālah.
- Hashim, R. (2021). Media sosial dan isu moral remaja Muslim di Malaysia. *Jurnal Pengajian Islam Kontemporari*, 7(2), 45–63.
- Ibn Hajar al-‘Asqalani, Aḥmad ibn ‘Alī ibn Muḥammad ibn Muḥammad ibn ‘Alī. (2001). *Fath al-Bārī Sharḥ Saḥīḥ al-Bukhari* (Vol. 10). Riyadh: Dar al-Salam.
- Ibn Hajar al-Haytamī, Aḥmad ibn Muḥammad. (2003). *Al-Zawājir ‘an Iqtirāf al-Kabā’ir* (Vol. 1–2). Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Ibn Kathīr, Ismā‘īl ibn ‘Umar. (1999). *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aẓīm* (Vol. 1–8). Riyadh: Dār Ṭayyibah.
- Ibn Mājah, Muḥammad ibn Yazīd. (2009). *Sunan Ibn Mājah*. Riyadh: Maktabah al-Rushd.
- Ibn Taymiyyah, Aḥmad ibn ‘Abd al-Ḥalīm. (1997). *Al-‘Ubudiyyah*. Riyadh: Dār ‘Ālam al-Kutub.
- Muslim ibn al-Ḥajjāj al-Qushayrī. (2000). *Ṣaḥīḥ Muslim*. Beirut: Dār al-Ma‘rifah.
- Quraish Shihab, M. (2002). *Tafsir al-Mishbah: Pesan, Kesan, dan Keserasian al-Qur’an* (Vol. 1–15). Jakarta: Lentera Hati.
- Rahman, F. (2014). *Major Sins in the Modern Context: A Comparative Study*. Kuala Lumpur: IIUM Press.
- Yaqeen Institute for Islamic Research. (2019). Why shirk is the greatest sin of all. Retrieved from <https://yaqeeninstitute.org/read/paper/why-is-shirk-the-greatest-sin-of-all>